

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]

SOALAN NO. 199

Y.B. DATUK SERI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah kutipan SST sehingga 31 Disember 2018 ; dan
- (b) berapakah jumlah perbezaan dengan kutipan GST dalam tempoh yang sama dan nyatakan sebab-sebab perbezaan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang dikutip oleh Kerajaan untuk tempoh dari 1 September 2018 sehingga 31 Disember 2018 adalah sebanyak **RM5.43 bilion**. Daripada jumlah tersebut, kutipan bagi cukai jualan adalah sebanyak **RM3.96 bilion**, manakala cukai perkhidmatan sebanyak **RM1.47 bilion**. Bagi tempoh 1 September 2017 sehingga 31 Disember 2017 pula, jumlah kutipan bersih GST adalah sebanyak **RM17.75 bilion**. Namun demikian, amaun kutipan bersih GST bagi tempoh tersebut adalah berdasarkan kepada jumlah *input tax credit* yang dibayar dalam tempoh tersebut dan belum mengambil kira tunggakan bayaran balik GST berjumlah RM19.4 bilion sehingga 31 Mei 2018 yang telah dilaporkan sebelum ini.

Cukai jualan dan cukai perkhidmatan merupakan sistem cukai seperingkat yang dikenakan hanya pada satu peringkat sahaja iaitu peringkat pengilang atau pengimport bagi cukai jualan, dan peringkat penyedia perkhidmatan bagi cukai perkhidmatan. GST pula dikenakan di setiap peringkat rangkaian pembekalan bermula dari pengilang, pemborong dan peruncit. Ini merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada perbezaan jumlah kutipan hasil cukai. Selain itu, skop pengenaan cukai jualan dan cukai perkhidmatan di bawah sistem SST yang baharu adalah lebih kecil berbanding di bawah sistem GST di mana pelbagai jenis barang dan keperluan asas pengguna seperti barang makanan asas tidak dikenakan cukai jualan manakala cukai perkhidmatan hanya dikenakan ke atas beberapa jenis perkhidmatan tertentu sahaja. Antara barang yang dikecualikan dari cukai jualan termasuklah makanan asasi seperti beras, gula, ikan segar, ayam segar, sayur-sayuran dan buah-buahan. Kerajaan juga telah menetapkan sebahagian besar barangan kegunaan industri seperti besi, kayu dan bahan kimia dikecualikan dari dikenakan cukai jualan.